

Kupu-kupu malam

HM Metro

>Video eksklusif di iPad



NGERI...mayat Wee ditutup dengan surat khabar selepas dibawa keluar dari kenderaan yang remuk.



ARIFF

WEE




CHIK SHAMSUDDIN

MUHAMMAD FAIZAL



MAYAT...seorang daripada tiga mangsa dihantar ke Unit Forensik HPM untuk urusan pengebumian, malam kelmarin.



SAKSI...Mohd Aliff cedera di mata selepas terbabit nahas enam kenderaan.

'Arwah berubah jadi panas baran'

PASIR MAS: "Arawh berubah sikap menjadi panas baran tanpa sebab sehingga meminta saya membencinya. Memang sedih apabila dia kata begitu, namun saya hanya mendiamkan diri.

"Tidak sangka itu petanda saya akan kehilangannya," kata Rosliza Che Ramli, 32, isteri kepada Ariff Che Mohd Zain, 35, yang maut dalam kemalangan di Kilometer 11, Jalan Pasir Mas-Tanah Merah, To' Uban di sini, malam kelmarin.

Selain Ariff, mangsa lain yang maut ialah Muhammad Faizal Fakruddin, 16, Chik Shamsuddin Mat Ghapar, 16,

Pasir Mas (HPM)," katanya.

Menurutnya, suaminya juga sentiasa berpesan kepada anak-anaknya supaya menjaga diri apabila dia sudah tiada.

"Pada saya pun, dia cakap perkara sama. Dia suruh saya bawa anak-anak tinggal dengan ibu apabila dia sudah tiada. Dengan anak-anak, dia memang tegas kerana mahu mendisiplinkan mereka namun arwah bapa penyayang," katanya.

Rosliza berkata Aliff yang cedera di muka sudah dibenar keluar dari hospital tetapi asyik menangis kerana teringatkan bapanya.

dan Wee Thai Kit, 40. Rosliza berkata sebelum kejadian, dia sempat membeli keperluan dapur bersama suaminya di kedai berhampiran rumah mereka di Cabang Tiga, Chekok di sini, sebelum suaminya sekali lagi keluar untuk mengambil anak sulung mereka, Aliff Azhan, 12, di rumah ibunya di Kampung Semubal.

Menurutnya, berikutan tayar kereta dan motosikalnya pancit, suaminya yang bekerja sebagai pemandu lori pasir itu meminjam motosikal adiknya.

"Kami berdua bekerja, jadi anak ditinggalkan di rumah ibi saya. Ketika itu, hanya Aliff berada di rumah. Selepas selesai membeli barang dapur, dia (suami) berbasikal ke rumah ibunya untuk meminjam motosikal adiknya sebelum mengambil Aliff," katanya ketika ditemui di rumahnya, semalam.

Menurut Rosliza, suaminya keluar dalam keadaan tergesa-gesa dan tidak lama kemudian dia dikejutkan dengan panggilan daripada adiknya, Che Mohd Fazri, 27, memaklumkan kemalangan yang menimpa suami dan anaknya.

"Jantung saya berdebar-debar menjawab panggilan sebelum bergegas ke Hospital

Allahyarham meninggal dunia lima anak berusia antara tiga hingga 12 hingga dengan empat daripadanya bersekolah di Sekolah Kebangsaan (SK) Cabang Tiga, Chekok.

Jenazah Ariff dikebumikan di Tanah Perkuburan Cabang Empat di sini, tengah hari semalam.

Dalam pada itu, Muhammad Fakhru Fakhruddin, 18, abang kepada Muhammad Faizal berkata, adiknya bersikap pelik apabila memintanya memasak burger istimewa untuknya.

"Beberapa jam sebelum meninggal dunia, adik saya beria-ia meminta saya memasak burger untuknya padahal sebelum ini tidak pernah dia berbuat demikian.

"Sebelum ini memang dia memasak sendiri jika mahu makan burger di gerai milik bapa saudara kami di Cabang To' Ubani," katanya.

Menurutnya, adiknya sering bersama sepupunya itu menunggang motosikal jika mahu ke mana-mana dan petang kelmarin, Muhammad Faizal memberitahu mahu ke To' Ubani untuk tidur di rumah emak saudaranya bersama Chik Shamsuddin," kata ketika ditemui di Rumah Mayat Hospital Pasir Mas (HPM) di sini, malam kelmarin.

4 maut 2 cedera dalam nahas enam kenderaan

Maghrib berdarah

Metro 6/5/2011 MS 28.

>>Oleh Asmizan Mohd Samiran, Siti Fatimah Hassan dan Adnan Mohamad

am@hmetro.com.my

PASIR MAS: Suasana di Kilometer 11, Jalan Pasir Mas-Tanah Merah, To' Uban di sini gempar dengan tragedi 'Maghrib berdarah' apabila mayat bergelimpangan di atas jalan raya dalam nahas membabitkan enam kenderaan dan mengorbankan empat orang, termasuk dua sepupu, malam kelmarin.

Dalam kejadian kira-kira jam 7.20 malam ketika azan Maghrib sedang dilaungkan itu, mayat tiga mangsa bergelimpangan di atas jalan raya manakala seorang lagi maut selepas tersepit dalam keretanya.

Kemalangan dikatakan berpunca daripada sebuah motosikal Honda Wave dinaiki dua beranak, Ariff Che Mohd Zain, 35, dan anaknya, Aliff

Azhan, 12, yang ditunggang melawan arus bertembung dengan motosikal Yamaha RXZ ditunggang dua sepupu, Chik Shamsuddin Mat Gharpar, 16, dan Muhammad Faizal Fakhruddin, 16.

Akibat pelanggaran itu, semua mangsa tercampak ke atas jalan sebelum dua lori dari arah sama dikatakan tidak sempat mengelak lalu menggilis tiga daripada mereka iaitu Ariff, Chik Shamsuddin dan Muhammad Faizal menyebabkan mereka terbunuh serta-merta.

Aliff Azhan yang tercampak jauh dari jalan raya, terselamat, tetapi cedera parah. Pemandu kedua-dua lori itu pula memecut kenderaan mereka meninggalkan tempat kejadian dan sehingga malam tadi, masih belum membuat laporan polis mengenai kemalangan itu.

Ketua Polis Daerah Pasir Mas, Asisten Komisioner Haliludin Rahim berkata, ke-

malangan itu tidak berakhir di situ kerana tidak lama kemudian sebuah kereta Volvo dipandu Huzaiudi Zainal Abidin, 36, dari Tanah Merah ke Pasir Mas bertembung kereta Proton Iswara dari arah bertentangan ketika cuba mengelak daripada melanggar mangsa di tempat, kejadian.

Pertembungan itu menyebabkan pemandu Iswara, Wee Thai Kit, 40, tersepit dalam keretanya dan mati di tempat kejadian.

"Kemalangan itu menyebabkan empat maut di tempat kejadian manakala dua lagi iaitu Aliff Azhan dan Huzaiudi cedera parah.

"Mayat semua mangsa dibawa ke Hospital Pasir Mas untuk bedah siasat sebelum diserahkan kepada keluarga masing-masing untuk dikebumikan.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan polis me-

rayu saksi kejadian supaya tampil menyalurkan maklumat mengenai kemalangan ini," katanya.

Kakitangan kerajaan, Mohd Hafizzul Akmal Mohd Yusof, 24, antara penduduk tempatan yang terawal tiba di tempat kejadian menyifatkan kemalangan yang dilihatnya itu paling ngeri.

"Kebetulan saya dalam perjalanan ke Kota Bharu menggunakan laluan itu. Berderau darah melihat tiga mayat bergelimpangan di atas jalan dengan seorang daripadanya melekat pada motosikal. Selepas itu saya melihat satu lagi mayat tersepit dalam kereta Proton Iswara.

"Sebelum ini, kerap juga saya melihat kemalangan tetapi kemalangan ini paling ngeri. Saya tidak mampu menunggu lama dan segera beredar kerana tidak tahan melihat keadaan mayat dan darah di merata tempat," katanya.